

Zurich Malaysia memperkenalkan Takaful ProSecure bagi membantu rakyat Malaysia mencapai daya tahan kewangan



[Dari Kiri-Kanan]: Wakil-wakil Zurich Malaysia Takaful Berhad merasmikan the launch of Takaful ProSecure

- Nazrul Namizan Ahmad, Ketua Pegawai Agensi, Zurich Takaful Malaysia Berhad
- Cik Hasnah binti Omar, Pengerusi merangkap Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, Zurich General Takaful Malaysia Berhad
- Nur Fatimah Mustafa, Wakil Sah daripada Zurich Takaful Malaysia Berhad
- Thai Mei Lih, Ketua Pegawai Pemasaran, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

Kuala Lumpur, 17 November 2023 – Zurich Takaful Malaysia Berhad (Zurich) mengumumkan pelancaran Takaful ProSecure, sebuah pelan takaful inovatif yang direka untuk membantu rakyat Malaysia mencapai daya tahan dan kebebasan kewangan. Pelan ini direka dengan teliti bagi meringankan beban pengguna pada saat memerlukan, dan bertujuan memberikan bantuan kewangan yang berterusan apabila timbulnya keadaan yang tidak diduga dalam kehidupan.

Musibah kehidupan sering membawa beban kewangan tersembunyi yang boleh menyebabkan orang tersayang terdedah kepada risiko kewangan. Menurut [laporan kredit CTOS 2022](#), peratusan rakyat Malaysia yang terdedah kepada pinjaman dan gadai janji adalah besar. Daripada 1.4 juta pengguna CTOS di Malaysia, 29.2% mempunyai pinjaman peribadi, 54.8% mempunyai pinjaman kereta, dan 48.4% mempunyai gadai janji.

Wakil Sah daripada Zurich Takaful Malaysia Berhad, Nur Fatimah Mustafa, berkata, “Kami faham kehidupan ini sukar diduga, jadi kami komited untuk membantu individu dan keluarga dalam melindungi masa depan kewangan mereka. Sebagai rakan kongsi yang dipercayai bagi semua rakyat Malaysia, pelancaran Takaful ProSecure merupakan satu lagi langkah ke arah mewujudkan masa depan yang lebih cerah, memberikan ketenangan fikiran dan perlindungan kewangan bagi mengharungi keadaan tidak menentu, selaras dengan kempen jenama kami, ‘Lindungi Segala Perkara Yang Bermakna’.

Sebagai sebahagian daripada pelancaran Takaful ProSecure, Zurich akan melancarkan 'We Can Duit Bersama Zurich Takaful' pada hujung minggu ini, iaitu dari 17 hingga 19 November 2023 di MyTOWN Shopping Gallery. Acara itu merangkumi permainan, penglibatan aktiviti, serta dilengkapi dengan sesi perundingan dan kiosk pameran produk yang diterajui oleh pasukan perancang kewangan Zurich yang profesional. Acara ini dihoskan oleh personaliti popular, Daphne Iking dan dirasmikan dengan perbincangan panel bersama Nur Fatimah Mustafa dan Ketua Pegawai Agensi Zurich Takaful, Nazrul Namizan Ahmad.

Takaful ProSecure menawarkan perlindungan yang tinggi bermula daripada caruman serendah RM56 sebulan, yang merangkumi:

- **Perlindungan Tinggi:** Takaful ProSecure menawarkan perlindungan bermula daripada Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM300,000 yang dapat membantu individu yang mempunyai hutang tinggi. Perlindungan bernilai tinggi ini bertujuan memberi ketenangan fikiran dengan mengurangkan hutang terkumpul untuk orang yang tersayang sekiranya mereka tiada lagi di dunia ini.
- **Manfaat Penyakit Terminal atau Kanser Terminal (PTKT):** Pelan ini merangkumi manfaat Penyakit Terminal atau Kanser Terminal (PTKT), di mana bayaran pendahuluan akan dibuat selepas seseorang disahkan menghidap PTKT. Ciri ini direka bagi membantu pelanggan menguruskan hari-hari terakhir dalam kehidupan mereka dengan bantuan kewangan, bagi meringankan beban mereka tatkala mengharungi tempoh sukar ini.
- **Manfaat Penjagaan Vital:** Ciri unik ini mengecualikan caruman untuk individu yang perlu menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU), dan bertujuan membebaskan pelanggan daripada beban kewangan dalam tempoh sukar supaya mereka mampu menumpukan perhatian pada pemulihan.

Pelancaran Takaful ProSecure juga menunjukkan dedikasi kami untuk membantu rakyat Malaysia pada masa yang mencabar dengan memperkenalkan Manfaat Penjagaan Vital yang pertama dalam pasaran, bagi membantu pengguna menumpukan perhatian pada pemulihan. Zurich berharap dapat memperkasakan pelanggan untuk mengatasi cabaran dan membantu mereka mengharungi detik-detik yang sukar.

Untuk maklumat lanjut tentang Takaful ProSecure, sila merujuk kepadah risalah [ini](#). Untuk maklumat lanjut tentang Zurich Malaysia dan inisiatif-inisiatif yang bakal datang, sila layari laman media sosial Zurich Malaysia, seperti laman [Facebook](#), [Instagram](#) dan [X](#).

* Tertakluk pada terma dan syarat

###

Nota kepada editor:

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.